

20 DEC 2003

DR MAHATHIR TIBA UNTUK HADIRI MAJLIS ULANGTAHUN PERKAHWINAN RAKAN
SEKELAS

KUCHING, 20 Dis (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri majlis ulangtahun ke-50 perkahwinan bekas rakan sekelasnya, bekas Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr Wong Soon Kai dan isterinya Puan Sri Dr Jane Wong malam ini.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di lapangan terbang di sini disambut Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu dan beberapa orang kenamaan.

Ditanya sama ada lawatan beliau ke Kuching adalah hanya untuk makan angin, Dr Mahathir berkata: "Saya datang ke sini kerana ulangtahun perkahwinan Dr Wong. Kami adalah rakan sekelas,"

Kedua-dua pasangan pernah sama-sama belajar di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura pada 50-an.

Sejak bersara sebagai perdana menteri pada 31 Okt tahun ini, Dr Dr Mahathir telah dijemput berucap di beberapa forum antarabangsa seperti di Itali, Jepun dan Korea Selatan.

Dr Mahathir dijadual berucap pada forum ekonomi di Arab Saudi bulan depan.

-- BERNAMA

CJ CJ RHM